

# Enam bekas wakil rakyat PBS temui PM

UM 26 APR 2000  
Oleh ZULKIFLI JALIL

PUTRAJAYA 25 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, meminta enam bekas wakil rakyat Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menyertai Barisan Nasional (BN) Ahad lalu menjalankan tugas dengan baik demi kebaikan rakyat.

Pengerusi BN berkenaan menyampaikan amanatnya itu dalam pertemuan selama dua jam dengan mereka di pejabat beliau di sini petang ini.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Bingkor, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan berkata, Dr. Mahathir mengalu-alukan kemasukan mereka ke dalam gabungan itu dan berharap lebih ramai lagi pemimpin PBS menyusul selepas ini.

“Perdana Menteri mahu kami semua mengangap di-

ti kami sebagai rakyat Malaysia tanpa terpengaruh kepada kesukuan kaum.

“Beliau secara rasmi menerima kemasukan kami hari ini,” kata adik Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan itu kepada *Utusan* selepas pertemuan tersebut.

Selain Dr. Jeffrey, lima lagi bekas wakil rakyat PBS terbabit yang hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Kiulu, Louis Rampas, Edward Linggu (Tamparuli), Karim Adam (Kundasang), Johnny Goh (Inanam) dan Atung Mangabis (Matunggong).

Keenam-enam mereka diketuai oleh Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup. Dr. Jeffrey bersama lima rakannya menyertai BN melalui PBRS, iaitu parti yang ditubuhkannya bersama Kurup selepas keluar dari PBS pada 1994.

Ditanya sama ada lebih ramai lagi pemimpin pembangkang termasuk dari PBS akan menyertai BN selepas ini, Dr. Jeffrey berkata, beliau berharap ia berlaku.

“Saya percaya kalau mereka dapat mendengar apa yang saya terangkan, lebih ramai lagi akan menuruti jejak kami,” katanya.

Dalam pada itu Kurup berkata, Dr. Mahathir mahu keenam-enam bekas wakil rakyat PBS itu menunjukkan komitmen tinggi dalam mengukuhkan parti komponen itu di peringkat nasional.

“Saya percaya rakyat Sabah menaruh keyakinan tinggi kepada BN untuk membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada negeri itu,” ujarnya.